

**SOALAN NO. 147**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD  
[PASIR GUDANG]**

**TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan justifikasi yang digunakan oleh pihak Kementerian untuk memberhentikan bantuan bulanan kepada golongan yang layak menerima dan punca kebanyakannya daripada mereka diberhentikan bantuan tanpa notis.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Setiap permohonan bantuan akan disiasat dan diberi pertimbangan berdasarkan kelayakan dan bukan hak, tanpa mengira latar belakang kaum, agama, jantina atau fahaman politik. Proses pemberian bantuan kebajikan juga mengambil kira potensi yang ada pada setiap penerima bantuan yang masih produktif ke arah hidup berdikari.

Berdasarkan statistik tahun 2013, sebanyak 70,813 kes atau 14% daripada jumlah penerima bantuan kewangan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah ditamatkan. Antara justifikasi penamatan bantuan bulanan ini adalah seperti berikut:

- i. pendapatan isi rumah telah melepas Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa;
- ii. penerima kini tinggal bersama anak yang mampu menanggung perbelanjaan keluarga;

- iii. bagi skim Bantuan Kanak-Kanak, anak terbabit telah melepas umur 18 tahun; atau
- iv. penerima telah meninggal dunia.

Bagi setiap bantuan yang ditamatkan, pihak JKM akan memaklumkan melalui surat kepada penerima yang dihantar melalui pos serta melalui "Bulk SMS".

Secara amnya, bantuan kebajikan yang diberikan adalah bersifat sementara bagi membantu meringankan beban kumpulan sasar yang memerlukan meneruskan kelangsungan hidup.